

Nama: _____

Tingkatan: _____

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

MODUL KECEMERLANGAN BERFOKUS PRINSIP PERAKAUNAN SPM 2023

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah di tulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam Buku Jawapan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
6. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
7. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.*
8. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
9. **Kertas peperiksaan dan buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.**

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

BAHAGIAN A

[60 markah]

Jawab semua soalan

- 1 (a) Dokumen berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Maju Zainon.

| |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------|
| M 001 |
| MEMO |
| KEDAI MAJU ZAINON |
| No 5, Taman Permai 86400 Parit Raja, Batu Pahat No. Tel.: 07- 4546777 |
| Tarikh: 24 Julai 2023 |
| Peringatan: Pemilik mengambil barang niaga berharga RM800.00 untuk kegunaan peribadi. |
| <i>Zainon</i> Pengurus |

Rekodkan maklumat tersebut ke dalam Jurnal Am. (Keterangan tidak diperlukan)

[2 markah]

- (b) Nyatakan jenis kesilapan bagi urus niaga berikut:
- (i) Jualan tunai RM3 580 telah didebitkan ke Akaun Jualan dan dikreditkan ke Akaun Tunai. [1 markah]
 - (ii) Belanja membaiki kenderaan RM1 500 tersilap catat ke Akaun Kenderaan. [1 markah]

- (c) Dokumen berikut merupakan milik Perniagaan Luqman.

| CIMB BANK BERHAD | | |
|------------------|----------------------|------------|
| Tarikh | : <u>31 Mac 2023</u> | |
| Penerima | : <u>Ahmad Hakim</u> | |
| Untuk | : <u>Sewa kedai</u> | |
| | Ringgit | Sen |
| Baki | 17 000 | 00 |
| Dimasukkan | - | - |
| Jumlah | 17 000 | 00 |
| Cek ini | 3 000 | 00 |
| Baki akhir | 14 000 | 00 |
| No.Cek 199352 | | |

- (i) Apakah tujuan dokumen tersebut dikeluarkan? [1 markah]
(ii) Berapakah jumlah wang yang dikeluarkan? [1 markah]

- (d) Nisbah semasa bagi Kedai Buku Shikin adalah seperti berikut:

| Tahun | 2021 | 2022 |
|---------------|---------|---------|
| Nisbah semasa | 3.1 : 1 | 4.4 : 1 |

Tahun manakah yang menunjukkan prestasi Kedai Buku Shikin yang lebih baik?
Berikan alasan. [2 markah]

- (e) Syarikat KZM Berhad menerbitkan 2 000 000 unit Syer Biasa berharga RM1.50 sesyer dan 1 500 000 unit 8% Syer Keutamaan berharga RM2.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh tutup permohonan 31 Mac 2023.

Berapakah modal diterbitkan dan berbayar penuh? [2 markah]

- 2 Kelab Prihatin Johor Bahru telah ditubuhkan pada tahun 2020. Kelab ini mula menjalankan perniagaan kiosk pakaian batik pada 1 Januari 2022 untuk memperoleh dana bagi melancarkan aktiviti kelab.

Maklumat perakaunan Kelab Prihatin Johor Bahru bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

- (i) Aset dan liabiliti kelab pada 1 Januari 2022.

| | RM |
|------------------------|-----------|
| Tunai di bank | 87 500 |
| Kenderaan (kos) | 40 000 |
| Premis (kos) | 95 000 |
| Perabot (kos) | 14 500 |
| Susut nilai terkumpul: | |
| Kenderaan | 14 400 |
| Perabot | 2 900 |
| Belanja am belum bayar | 220 |
| Yuran belum terima | ? |

- (ii) Penerimaan sehingga 31 Disember 2022 (dibankkan).

| | RM |
|-----------------|-----------|
| Yuran ahli 2021 | 1 800 |
| Yuran ahli 2022 | 59 400 |
| Yuran ahli 2023 | 900 |
| Derma | 12 000 |
| Jualan kiosk | 56 000 |

- (iii) Pembayaran sehingga 31 Disember 2022.

| | RM |
|--------------------------------|-----------|
| Belian kiosk | 1 700 |
| Sewa kiosk | 13 200 |
| Upah pekerja kiosk | 7 700 |
| Kadar bayaran | 1 980 |
| Belanja membaiki van | 3 000 |
| Sumbangan kematian dan bencana | 4 000 |
| Bantuan pelajaran | 3 500 |
| Belanja am | 3 600 |
| Akaun Belum Bayar | 17 500 |

Maklumat tambahan pada 31 Disember 2022:

- (i) Kutipan derma adalah untuk pengubahsuaian surau di premis kelab.
- (ii) Yuran tahun 2021 sebanyak RM600 dihapuskan sebagai yuran lapuk.
- (iii) Sewa kiosk bagi bulan Disember 2022 belum dibayar.
- (iv) Upah pekerja kiosk ialah RM700 sebulan.
- (v) Sejumlah jualan tunai di kiosk tidak dibankkan tetapi digunakan untuk belanja membaiki van RM680. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (vi) Pulangan barang niaga kiosk kepada pembekal berjumlah RM1 300.
- (vii) Polisi susut nilai:
 - Kenderaan : 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
 - Perabot : 10% setahun mengikut kaedah garis lurus

(viii) Baki pada 31 Disember 2022:

| | RM |
|---------------------------|-----------|
| Akaun Belum Bayar | 7 500 |
| Inventori kiosk | 12 500 |
| Yuran belum terima | 1 200 |
| Premis (kos) | 95 000 |
| Kenderaan (kos) | 40 000 |
| Perabot (kos) | 14 500 |
| Kadar bayaran belum bayar | 200 |

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran. [5 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar. [3 markah]
- (c) Akaun Perdagangan Kiosk Pakaian bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [5 markah]
- (d) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [9 markah]
- (e) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 (Bahagian Dana Terkumpul). [3 markah]

- 3 Josephine ialah pemilik Jessy Fashion Fancy Boutique yang menjalankan perniagaan pakaian perempuan. Imbangan Duga perniagaannya pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

| Jessy Fashion Fancy Boutique | | |
|--------------------------------------------|---------------------|----------------------|
| Imbangan Duga pada 31 Disember 2022 | | |
| Butir | Debit RM | Kredit RM |
| Tunai | 350 | |
| Bank | 28 500 | |
| Pulangan | 450 | 300 |
| Duti atas belian | 2 500 | |
| Hutang lapuk | 300 | |
| Modal pada 1 Januari 2022 | | 60 630 |
| Lengkapan (kos) | 9 000 | |
| Perabot (kos) | 30 000 | |
| Kenderaan (kos) | 60 000 | |
| Belian dan Jualan | 55 350 | 102 420 |
| Akaun Belum Terima | 3 400 | |
| Komisen | | 3 600 |
| Angkutan masuk | 770 | |
| Akaun Belum Bayar | | 2 500 |
| Gaji | 18 000 | |
| Inventori pada 1 Januari 2022 | 17 240 | |
| Insurans | 600 | |
| Kadar bayaran | 2 640 | |
| Sewa | 6 000 | |
| Faedah atas pinjaman bank | 900 | |
| Peruntukan hutang ragu | | 250 |
| Susut nilai terkumpulengkapan | | 3 600 |
| Susut nilai terkumpul perabot | | 5 700 |
| Pinjaman bank | | 57 000 |
| | 236 000 | 236 000 |

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Disember 2022 bernilai RM19 600 pada harga pasaran dan bernilai RM19 060 pada harga kos.
- (ii) Komisen diterima ialah RM400 sebulan.
- (iii) Duti atas belian RM2 500 termasuk caj angkutan masuk berjumlah RM285.
- (iv) Insurans yang dibayar adalah untuk 6 bulan bermula 1 Januari 2022.

- (v) Sekeping nota kredit yang dikeluarkan kepada pelanggan berjumlah RM500 belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (vi) Pinjaman bank RM60 000 berkadar faedah 6% setahun yang matang pada 30 September 2027 telah dibuat pada 1 Oktober 2022.
- (vii) Seorang pelanggan telah menghilangkan diri dan hutangnya sebanyak RM700 dihapuskan.
- (viii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 4% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (ix) Kenderaan telah dibeli pada 31 Disember 2022.
- (x) Aset bukan semasa perlu disusutnilaikan seperti berikut:

| Aset bukan semasa | Kadar susut nilai | Kaedah susut nilai |
|-------------------|-------------------|-----------------------|
| Perabot | 10% setahun | atas baki berkurangan |
| Lengkapan | 20% setahun | atas kos |
| Kenderaan | 20% setahun | garis lurus |

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022. [12 markah]

Bahagian B**[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini*

- 4 (a) Marisa menjalankan perniagaan Kasut Hyper telah memulakan perniagaan menjual pelbagai jenis kasut pada 1 Oktober 2023 dengan modal tunai di tangan RM500, tunai di bank RM1 000 dan kenderaan bernilai RM75 000.

Beliau menjangkakan penerimaan dan pembayaran dalam perniagaannya bagi 3 bulan berakhir 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

- (i) Anggaran belian kasut bagi 3 bulan adalah seperti berikut:

| Bulan | RM |
|----------|--------|
| Oktober | 25 000 |
| November | 40 000 |
| Disember | 23 500 |

20% daripada belian adalah secara tunai dan bakinya adalah secara kredit. Tempoh kredit adalah satu bulan.

- (ii) Jualan yang dijangka bagi bulan Oktober berjumlah RM50 000 akan meningkat sebanyak 10 % daripada jualan bulan sebelumnya.
- (iii) Komputer riba bernilai RM2 000 dibeli untuk kegunaan anaknya di universiti pada bulan November.
- (iv) Pada bulan Oktober, Puan Marisa telah mengambil seorang pekerja dan ditambah seorang lagi pada bulan Disember. Gaji bulanan seorang pekerja ialah RM2 000.
- (v) Sewa kedai adalah sebanyak RM3 000 sebulan.
- (vi) Perniagaan bercadang untuk memohon pinjaman sebanyak RM60 000 pada bulan November berkadar faedah 8% setahun. Pinjaman akan dibayar balik secara ansuran bulanan selama 5 tahun, bermula bulan berikutnya.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2023. **[14 markah]**

(b) Perniagaan Bella telah memberikan maklumat berikut:

Imbangan duga pada 31 Disember 2022 (petikan)

| | Debit RM | Kredit RM |
|-----------------------------|---------------------|----------------------|
| Mesin (kos) | 70 000 | |
| Susut nilai terkumpul mesin | | 14 000 |

Maklumat tambahan:

- (i) Mesin disusut nilaikan 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- (ii) Mesin yang dibeli pada 1 Januari 2021 dengan harga RM70 000 telah dijual pada 1 Januari 2023 dengan harga RM45 000 dengan cek.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun mesin. [2 markah]
- (ii) Akaun pelupusan mesin. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 5 (a) Star Vision Trading merupakan sebuah perniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan menjual barangan elektrik di Johor Bahru, Johor. Berikut ialah baki aset dan liabiliti perniagaan pada 31 Julai 2023.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2023

| <u>Aset Bukan Semasa</u> | RM | <u>Ekuiti Pemilik</u> | RM |
|--------------------------|---------------|-------------------------|---------------|
| Perabot | 14 500 | Modal | ? |
| Lengkapan | 40 000 | Untung Bersih | 15 400 |
| | | | 85 900 |
| | | | |
| <u>Aset Semasa</u> | | <u>Liabiliti Semasa</u> | |
| Inventori | 22 500 | Akaun Belum Bayar | 7 800 |
| Akaun Belum Terima | 6 500 | | |
| Bank | 10 200 | | |
| | 93 700 | | 93 700 |

Urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Ogos 2023 adalah seperti berikut:

- (i) 20% daripada inventori barang niaga dijual dengan harga RM5 200 dan hasil jualan barang niaga itu telah dibankkan.
- (ii) Belian barang niaga secara kredit RM4 000.
- (iii) Pemilik membayar Akaun Belum Bayar dengan cek RM2 200 dan terima diskaun RM300.
- (iv) Jual barang niaga berkos RM4 800 secara kredit pada harga RM5 500.
- (v) Mengeluarkan cek bernilai RM1 200 untuk membayar sewa rumah kediaman pemilik.
- (vi) Sekeping cek yang diterima daripada Akaun Belum Terima Ali RM850 telah dipulangkan oleh bank dengan bertanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'.
- (vii) Memulangkan barang niaga kepada pembekal Permata Trading sebanyak RM420 kerana tersalah jenama.
- (viii) Pemilik telah mendapat pinjaman RM40 000 dari Maybank. 5% daripada pinjaman tersebut telah digunakan untuk membeliengkapan baru dan baki wangnya telah dibankkan.

Anda dikehendaki melengkapkan Jadual Persamaan Perakaunan bagi setiap urus niaga menggunakan jadual yang diberikan. [12 markah]

- (b) Puan Amani, seorang peruncit Kedai Runcit Amani tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Aset dan liabiliti perniagaannya adalah seperti berikut.

| | 1 Mei 2021 | 30 April 2022 |
|---------------------------|------------|---------------|
| | RM | RM |
| Kenderaan | 6 300 | ? |
| Akaun belum terima | 3 350 | 7 400 |
| Komisen belum terima | 440 | 890 |
| Insurans prabayar | - | 80 |
| Inventori | 8 490 | 13 720 |
| Premis | 60 000 | 60 000 |
| Gaji belum bayar | 400 | 800 |
| Akaun belum bayar | 4 040 | 10 550 |
| Kadar bayaran belum bayar | - | 120 |
| Tunai | 860 | 2 800 |
| Bank | 2 710 | 16 500 |
| Modal | 77 710 | ? |

Maklumat Tambahan:

- (i) Pemilik mengeluarkan tunai RM210 untuk membayar yuran persekolahan anaknya.
- (ii) Pada 1 Januari 2022, sebuah van terpakai berharga RM12 000 dibeli dengan wangnya sendiri untuk kegunaan perniagaan. Perkara ini terlupa direkodkan dalam mana-mana buku.
- (iii) Pada 30 April 2022, susutnilai sebanyak 10% diperuntukkan bagi semua kenderaan.
- (iv) Peruntukan hutang ragu sebanyak 5% atas Akaun Belum Terima hendaklah diwujudkan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Penyata mengira Modal pada 30 April 2022. [5 markah]
- (ii) Penyata Untung atau Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2022. [3 markah]

- 6 (a) Butir berikut diberikan oleh Syarikat Sacha Supplement Sdn. Bhd., sebuah kilang memproses makanan kesihatan pada 31 Disember 2022.

| | RM |
|----------------------------------|-----------|
| Inventori pada 1 Januari 2022: | |
| Barang siap | 3 960 |
| Bahan langsung | 4 700 |
| Kerja dalam proses | 6 300 |
| Belanja am kilang | 2 490 |
| Upah buruh langsung | 34 600 |
| Belian bahan langsung | 54 200 |
| Angkutan masuk bahan langsung | 1 600 |
| Jualan barang siap | 84 700 |
| Pulangan belian bahan langsung | 910 |
| Pulangan jualan | 670 |
| Insurans | 2 400 |
| Sewa | 15 000 |
| Kadar bayaran | 2 700 |
| Gaji kerani pejabat | 46 800 |
| Gaji pengurus kilang | 72 000 |
| Angkutan keluar | 4 300 |
| Alat tulis kilang | 400 |
| Mesin | 108 000 |
| Susut nilai terkumpul mesin | 10 800 |
| Komisen jurujual | 6 800 |
| Inventori pada 31 Disember 2022: | |
| Barang siap | 6 490 |
| Bahan langsung | 7 780 |
| Kerja dalam proses | 3 200 |

Maklumat tambahan:

- (i) Insurans dan sewa diagihkan sama rata antara kilang dan pejabat.
- (ii) Kadar bayaran hendaklah diagihkan antara kilang dan pejabat dengan nisbah 2:1.
- (iii) Mesin hendaklah disusutnilaikan 10% setahun atas baki berkurangan.
- (iv) Nota kredit daripada pembekal terlupa catat RM100.
- (v) Alat tulis yang belum digunakan RM150.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [12 markah]

- (b) Berikut adalah sebahagian perekodan dalam Buku Catatan Pertama Perniagaan Telekomunikasi Vuca World.

Jurnal Jualan

| Tarikh | Butir | Fol | No. Dokumen | Jumlah |
|--------|---------------------------|-----|-------------|--------|
| 2023 | | | | RM |
| Jun 4 | Kedai Jamil | | INV 1003 | 1 000 |
| 5 | Koperasi Usahasama Berhad | | INV 1004 | 4 050 |
| 30 | Akaun Jualan | | | 5 050 |

Jurnal Belian

| Tarikh | Butir | Fol | No. Dokumen | Jumlah |
|--------|---------------------------|-----|-------------|--------|
| 2023 | | | | RM |
| Jun 7 | Pemborong Elit Sdn. Bhd. | | INV AB3425 | 3 000 |
| 10 | Pembekal Al-Ikhlas Gadget | | INV PB1231 | 4 750 |
| 30 | Akaun Belian | | | 7 750 |

Jurnal Pulangan Belian

| Tarikh | Butir | Fol | No. Dokumen | Jumlah |
|--------|--------------------------|-----|-------------|--------|
| 2023 | | | | RM |
| Jun 28 | Pemborong Elit Sdn. Bhd. | | NDA 1002 | 40 |
| 30 | Akaun Pulangan Belian | | | 40 |

Anda dikehendaki menyediakan lejar-lejar yang berkaitan catatan di atas. (Akaun tidak perlu diimbangkan) [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT